

Hilang kerusi Kabinet jika kalah teruk **AMARAN PM** **KEPADA MCA,** **GERAKAN**

KUALA LUMPUR, Jumaat — MCA dan Gerakan diberi amaran akan kehilangan kerusi Kabinet mereka jika kedua parti mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya umum ini. Ketika menegaskan

demikian, Pengerusi Barisan Nasional Pusat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, justeru itu, perlulah kedua parti tersebut berganding bahu memastikan kemenangan calon parti masing-masing. "BN tidak akan mem-

beri kerusi gantian terhadap kerusi-kerusi yang kalah dan mereka mestilah menerima akibat masing-masing," tegas beliau lagi ketika diminta mengulas pertelingkahan antara kedua parti. Berita Harian difahamkan beberapa

kerusi MCA dan juga Gerakan sukar dimenangi disebabkan kedua parti tersebut secara senyap-senyap menyuruh ahli-ahli mereka menentang atau sabotaj antara satu sama lain.

Disebabkan perbuatan tersebut, calon Parlimen Petaling BN dari MCA dan calon kawasan Dewan Negeri Petaling Jaya dari Gerakan mungkin sukar untuk memenangi kerusi itu dari calon DAP.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa pihaknya memang mengarahkan supaya setiap parti komponen menolong satu sama lain.

Katanya, terserah kepada pucuk pimpinan parti masing-masing untuk memastikan ahli-ahli mereka itu berbuat demikian.

Memecat

"Ini adalah semamata untuk kepentingan BN sendiri, dan jika antara kedua parti itu mengalami kekalahan bermakna ia merugikan BN," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, tindakan memecat akan diambil terhadap mereka yang melanggar disiplin parti.

Ditanya sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ada ketua parti menggalakkan setengah calon bebas untuk bertanding, beliau berkata, "Ini perlu disiasat."

Menyentuh mengenai calon BN, Parlimen Kepong, Encik Ker Kim Ting yang mendakwa beliau tidak bersetuju dengan dasar BN dan cuba membetulkan kepimpinan BN, beliau berkata, "Saya tidak mendengar calon itu bercakap dan ia merupakan strateginya untuk menang."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri	2616
No. Penerimaan	361/85